



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**07 Februari 2024
26 Rejab 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• Rezeki udang galah lepas banjir • Lagi bubu naga dirampas di Perak
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			
								15	7.2.2024

Pulangan berbaloi selama dua hari turun memancing

Rezeki udang galah lepas banjir

KOSMO MS15

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

KLUANG - Puluhan pemancing udang galah memperolehi hasil lumayan selepas turun memancing di Sungai Kahang di sini yang telah surut sejak Ahad lalu.

Sebelum ini, semua kaki pancing tidak dapat turun memancing kerana keadaan air sungai terlalu dalam hingga melimpah ke tebing akibat banjir.

Keadaan itu memaksa mereka menunggu sehingga lebih sebulan untuk kembali menjalankan aktiviti yang memberikan hasil pulangan lumayan itu.

Ahmad Tahir Mohd Desa, 57, yang turun memancing bersama isterinya, Maziatun Idris, 53, sudah menjangkakan akan mem-

perolehi hasil lumayan selepas berjaya membawa pulang sebanyak 16.5 kilogram udang galah untuk tempoh dua hari.

Katanya, untuk tangkapan sebanyak itu, mereka berdua mampu memperolehi tangkapan kira-kira RM1,000 mengikut harga semasa antara RM70 hingga RM80 sekilo.

"Alhamdulillah, walaupun selepas kira-kira dua bulan tidak turun memancing akibat banjir yang menyebabkan air sungai melimpahi tebing, namun pulangannya selepas itu memang berbaloi.

"Jika tiada aral, insya-Allah kami akan turun memancing semula sebelum balik ke Kampung di Terengganu sempena cuti Ta-

hun Baharu Cina," katanya ketika ditemui di sini.

Seorang lagi pemancing, Ujang Siron, 52, berkata, pemancing udang galah sememangnya menunggu masa seperti ini untuk turun memancing kerana sudah pasti akan memperolehi tangkapan yang banyak.

Ujarnya, walaupun hanya kira-kira tujuh jam memancing, seorang pemancing boleh mendapat hasil sekurang-kurangnya tiga hingga empat kilogram.

"Saya menjangkakan Sungai Kahang akan penuh dengan pemancing pada hari cuti Tahun Baharu Cina ini berdasarkan banyak pengusaha bot sewa untuk memancing sudah habis ditempah," katanya.



AHMAD TAHIR dan Maziatun menunjukkan hasil tangkapan udang galah selama dua hari di Sungai Kahang sejak Ahad lalu.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Lagi bubu naga dirampas di Perak

LUMUT – Sebanyak 31 bubu naga dirampas Maritim Malaysia (APMM) Perak pada kedudukan 0.3 kilometer tenggara di Jeti Kampung Bharu, di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Hambali Ya'akup berkata, bubu berukuran 10 meter panjang setiap satu itu dikesan pasukan bot ronda pada pukul 12.40 tengah hari ketika melaksanakan Op Sayong, Op Pintas, Op Tanjung dan Op Tiris.

"Anggota mengesan tong berwarna kuning terapung pada permukaan air yang dijadikan pelampung dan penanda bubu naga di perairan berkenaan.

"Kesemua bubu naga yang bernilai lebih RM2,000 itu dirampas dan diserahkan ke

pada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau memberitahu, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Jika bersalah, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara sehingga dua tahun atau keduanya.

Tambahnya, modal rendah dengan hasil perikanan yang lumayan menjadikan kegiatan itu semakin berleluasa.

"Bagaimanapun, ia menimbulkan konflik antara nelayan pantai atau tradisional yang menggunakan kaedah tangkapan biasa," ujarnya.



ANGGOTA APMM menunjukkan bubu naga yang dirampas di Jeti Kampung Bharu, Lumut kelmarin.